



APRIL I - AKRAB

Perkataan pilihan DMNC kali ini adalah AKRAB. Akrab membawa maksud sentiasa bersikap setia kawan atau kekitaan serta sanggup berbaik dengan semua orang. 'Akrab' membawa definisi dekat dan erat, hampir, utuh, damping, rapat (sahabat), karib; atau rasi, sekumpulan bintang, gugusan bintang.



Namun begitu, kita sebagai seorang penjawat awam, hubungan atau kerjasama yang diwujudkan haruslah bersikap amat akrab, mesra, secara meluas serta memberi faedah maksimum kepada organisasi dan perkhidmatan awam samada di dalam atau luar organisasi.

Budaya kerja yang cemerlang mengambil kira berkenaan pembangunan insan berteraskan Islam dan menangani faktor kemanusiaan bagi merubah sikap demi mencapai kecemerlangan. Antara sifat-sifat atau tabiat yang melayakkan seseorang itu mencapai kecemerlangan hidup ialah dengan membangunkan Kemantapan Iman, Kewibawaan Yang Tinggi, Kemantapan Emosi, Mengasihi Orang Lain, Penghayatan Misi Dan Visi Hidup Yang Benar Dan Tepat, Proaktif, Semangat Kendiri Dan Rendah Diri, Seimbang Dalam Kehidupan, Terbaik Dalam Semua Urusan dan Berterusan Dalam Pembelajaran. Sehubungan dengan itu hanya dengan hubungan yang akrab sesama rakan sejawatan pembangunan insan ini dapat dikecapi.

Hubungan yang akrab juga bukan sahaja perlu wujud di kalangan rakan sejawat, malah dalam aspek kerohanian, institusi kekeluargaan dan masyarakat sekeliling. Tanpa perhubungan yang sihat antara kita dan Maha Pencipta serta sesama manusia, pembangunan diri, keluarga dan seterusnya masyarakat sudah pasti tidak dapat dibina.

Sebagai contoh, kita semua sedia maklum bahawa kebudayaan merupakan salah satu medium penting bagi mewujudkan perpaduan kaum, di samping menjadi penggerak dalam meningkatkan taraf ekonomi penduduk melalui industri pelancongan negara. Kebudayaan juga mampu memperkuuh ikatan kerjasama antara kaum apabila setiap kaum dapat menghayati budaya masing-masing serta memahami budaya kaum lain. Melalui penghayatan budaya sendiri dan pengetahuan antara budaya inilah dapat menjalin hubungan akrab antara kita sebagai rakyat Malaysia. Jalinan hubungan yang

Dari Meja Naib Canselor

akrab ini seterusnya akan melahirkan pula perasaan mesra sesama kaum yang akhirnya mencipta satu suasana harmoni yang menyumbang kepada perpaduan kaum di negara kita. Di sinilah keunikan negara kita berbanding di sesetengah negara lain. Kebijaksanaan pucuk pimpinan negara yang telah menjadikan elemen kepelbaikan kaum ini sebagai satu kekuatan tersendiri dalam mengukuhkan kerjasama dan meningkatkan perpaduan telah menggalakkan lagi pertumbuhan ekonomi negara secara lebih pesat.

Sehubungan dengan itu, marilah kita bersama-sama membina satu hubungan yang akrab di kalangan semua warga UniMAP samaada peringkat atasan atau bawahan demi mencapai visi dan misi kita bersama.. InsyaAllah ...

APRIL 2 - ASPIRASI

"Aspirasi" dipilih sebagai perkataan DMNC pada kali ini. Mengikut Kamus Dewan Edisi Tiga, Aspirasi bermaksud keinginan yang kuat (untuk mencapai, mengadakan sesuatu) atau singkatnya cita-cita. Dalam RMK-9 yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri yang lalu, pelaburan yang besar telah diperuntukkan dalam pembangunan modal insan. Adalah tanggungjawab semua warga UniMAP untuk membangunkan modal insan yang cemerlang di kalangan staf dan mahasiswa untuk mencapai aspirasi profesi, aspirasi masyarakat, aspirasi universiti, aspirasi negara kita yang tercinta dan aspirasi universal.

Aspirasi profesi ialah amalan harian staf atau pekerja dalam meningkatkan standard dan etika budaya kerja yang cemerlang. Aspirasi masyarakat ialah mencapai kemajuan, berilmu pengetahuan, berintegrasi kaum dan penyayang. Aspirasi universiti khususnya UniMAP pula menjadi institusi pengajian tinggi yang cemerlang, gemilang dan terbilang dalam pelbagai aspek merangkumi akademik, penyelidikan atau tadbir urus. Aspirasi negara ialah keamanan, kemakmuran, kesejahteraan dan kedaulatan yang sepatutnya dikekalkan bersama oleh rakyat Malaysia dan diri kita sendiri. Moga kita akan terus menjadi rakyat yang beraspirasi dan sentiasa cintakan negara. InsyaAllah ...

MEI - MOTIVASI

Perkataan DMNC pada kali ini ialah " Motivasi ". Definisi motivasi ialah keinginan yang keras atau semangat yang kuat pada diri seseorang yang mendorongnya untuk berusaha atau melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mencapai kejayaan. Di samping itu, motivasi juga boleh ditafsirkan sebagai sesuatu yang membuat atau mendorong seseorang berusaha atau melakukan sesuatu dengan penuh minat. Ahli motivasi terkenal iaitu Dato' Dr. Haji Mohd Fadzilah Kamsah pernah menyebut bahawa "Seorang insan yang dilahirkan di atas muka bumi ini mampu untuk mencapai impiananya walau bagaimana tinggi sekalipun impian itu. Akal dan minda manusia tiada batasnya. Sebagai contoh, hari ini melalui teknologi nano ahli sains telah mampu mencipta bateri yang paling kecil dari serat tembaga dan perak yang dilekatkan

pada permukaan grafit (arang batu). Bateri ini hanya berukuran 70 nanometer atau 1/10 daripada garis pusat sel darah merah." Ini menunjukkan bahawa betapa kuatnya akal manusia dan keupayaan diri kita untuk mencipta keajaiban.

Apa jua impian dan matlamat boleh dicapai melalui motivasi diri yang tinggi dan berterusan serta meninggalkan sebarang tembok yang menghadkan pemikiran. Sesungguhnya akal pemikiran adalah aset diri dan harta yang paling berharga kurniaan Illahi. Keluarlah daripada kegelapan diri sebagaimana yang telah disebut di dalam surah Al-Baqarah ayat 255 yang berbunyi, "Allah adalah pelindung kepada orang-orang yang beriman yang mengeluarkan mereka dari kegelapan kepada cahaya dan orang-orang kafir itu pelindung-pelindung mereka ialah taghut yang mengeluarkan mereka daripada cahaya kepada kegelapan "Allah dan RasulNya sentiasa mendorong orang-orang mukmin hidup dengan penuh semangat, ceria, positif, tenang, aman dan bermotivasi tinggi.


Semangat dan motivasi amat penting untuk meneruskan kehidupan yang mencabar ini. Patahnya semangat untuk berjuang dalam kehidupan diumpamakan seperti kapal yang patah layarnya. Hidup terumbang-ambing dan tiada pedoman. Bukan calang-calang orang yang mampu menaikkan semangat orang di sekelilingnya yang lemah. Hanya orang yang hidup hatinya mampu menghidupkan hati yang mati. Masakan orang yang mati hatinya hendak menghidupkan hati yang mati, ini mungkin tidak akan berlaku. Akhir kata, motivasikanlah orang lain dan mooga-moga Allah akan memberi motivasi atau rangsangan kepada kita semua ... InsyaAllah

JUN I - JATIDIRI

"Jatidiri" dipilih sebagai perkataan pilihan pada kali ini. Jatidiri ini adalah satu istilah baru. Dahulu, istilah ini tidak ada digunakan. Ramai yang merasakan kita faham akan apa maksud jatidiri sedalam-dalamnya. Namun begitu, apabila diminta untuk menerangkannya, mereka masih kurang yakin. Ramai orang keliru dengan istilah ini.

Jatidiri membawa maksud seseorang individu yang mempunyai sifat-sifat peribadi yang asli, murni, tulen dan tidak bercampur atau dipengaruhi oleh unsur-unsur yang berbentuk negatif serta seimbang antara akli(fikiran), jasmani dan rohaninya. Jika dibuat perbandingan, di zaman sebelum merdeka, masyarakat khususnya golongan muda atau remaja lebih terpelihara dan tidak terlalu terdedah dengan unsur-unsur negatif serta sentiasa berpegang kepada adat resam ketimuran dan ajaran agama masing-masing. Namun begitu, sejak kebelakangan ini, dalam dunia tanpa sempadan (borderless world), pengaruh negatif datang bertali arus dan jatidiri masyarakat semakin merosot.

Mereka semakin sukar untuk menangkis pengaruh jahat yang merosakkan dan sukar membezakan antara yang baik atau yang buruk. Apakah yang akan terjadi kepada anak-anak bangsa kita pada masa hadapan?>>> ms 6



kita turun-temurun kelak? Oleh sebab itulah, kita sebagai sebuah IPTA yang mendidik dan melahirkan golongan cendekiwan negara ini, harus bersama-sama mengembalikan kembali semangat jatidiri anak-anak bangsa kita. Tugas kita bukan sahaja sekadar mendidik malah membentuk peribadi yang mulia dan disegani di persada antarabangsa. Semangat jatidiri ini juga haruslah diterapkan di dalam diri kita semua supaya menjadi teladan yang baik buat anak didik kita. Keteguhan, ketahanan dan kekuatan mental dan fizikal yang tahan dan lasak amat penting bukan sahaja dalam pembelajaran malah untuk menempuh cabaran masa depan.

Hendak ke angkasa raya, hendak keliling dunia dengan bot layar, hendak panjat Gunung Everest atau merentasi Selat Inggeris sekalipun memerlukan jatidiri yang teguh dan padu. Begitu juga dalam kerjaya, berjaya dalam pelajaran, dalam perniagaan, dalam perusahaan, dalam kepimpinan dan sebagainya. Iaitu ketahanan, keteguhan dan kelasakan fizikal mental untuk menuju kepada sesuatu pencapaian dan kejayaan. Tanpa jatidiri bererti tiada ketahanan jiwa. Sesungguhnya jiwa adalah ukuran kekuatan manusia. Jika jiwa jadi rapuh dan lemah, sifat-sifat yang negatif mudah masuk ke dalam hati dan merosakkannya. Akhirnya, manusia akan terus hanyut dari hak dan kebenaran serta terperangkap dalam kelalaian. Inilah titik tolak kemasuhan dan kehancuran hidup kita sebagai seorang manusia tanpa sifat jatidiri yang tinggi...

JUN 2 - JAYA

Pepatah Melayu ada menyebut, "Manakan hendak mendapatkan sagu jika tidak dipecahkan ruyungnya". Sehubungan itulah perkataan pilihan DMNC kali ini ialah "Jaya". Jaya membawa maksud menang, berhasil dan mencapai kemajuan. Kejayaan adalah merupakan perkataan yang terhasil daripada perkataan jaya.

Dalam bidang pekerjaan mengikut Goleman "... people of high IQ (Intelectual intelligence) flounder and those of moderate IQ do surprisingly well ... Lack of EQ (emotional intelligence) can sabotage the intellect and ruin careers ..." Ini membawa maksud kejayaan diri dalam pekerjaan perlulah juga diimbangi dengan aspek emosi.

Kejayaan bukanlah satu kebetulan tetapi adalah hasil daripada sebab dan akibat. Cara kita berfikir adalah sebab, tingkah laku adalah akibat. Jadi jika anda gagal dalam kehidupan anda, ianya adalah disebabkan oleh cara berfikir anda menjurus kepada kegagalan. Jika anda berjaya ianya adalah disebabkan oleh cara anda berfikir menjurus ke arah kejayaan. Semua manusia ada akal, itu yang membezakan manusia dengan ciptaan lain. Saya lebih mengagumi ciptaan tuhan ini kerana anugerah ini membuatkan manusia istimewa bukan sahaja kerana akal malah menguasai mindanya.

Orang yang tidak mempunyai matlamat dalam kehidupannya, tidak akan menemui kejayaan, apakah lagi kebahagiaan. Maksud hidup yang diperlukan itu bukan maksud sementara yang hilang apabila sudah tercapai. Misalnya keinginan menjadi kaya akan lenyap apabila telah tercapai.

Akhir kata. Hidup biarlah berjasa. Manfaatkan hidup ini dengan menabur kebaikan dan kasih sayang. Catatkan pengalaman hidup sebaik mungkin agar dengan lakaran itu, mati kita sekadar beralih tubuh, namun kesannya tinggal bersinar menyuluhan. Tiada kejayaan tanpa kerja.

Untuk mencapai matlamat yang diingini, mengkehendaki kita bekerja ... mengerjakan apa yang di depan mata, bukan berfantasi .. tentang masa depan yang belum pasti. Tidak ada istilah kerja untuk orang lain kerana jika kita bekerja makan gaji, jumlah gaji tersebut ditentukan oleh cara kita bekerja sendiri. Jumlah gaji itu juga bukanlah untuk orang lain. Kebenaran sejak dulu lagi membuktikan bahawa jika kita bekerja lebih dari yang dibayar, lama-kelamaan kita akan dibayar lebih dari yang kita kerjakan. Setiap pekerjaan merupakan cermin kepada orang yang mengerjakannya. Contohnya, jika pekerjaannya baik dan sempurna dan terbaik, orangnya berperibadi sempurna sebaliknya jika kerjanya perlahan, sikapnya menunjukkan dia seorang yang lembab, jika pekerjaannya sambil lewa, sikapnya juga sambil lewa.

Sebagai Pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam, kita mestilah mempertingkatkan semangat sifat bersatu padu,tolong-menolong dan jalinan kerjasama demi mewujudkan satu Perkhidmatan Awam yang cemerlang. Sifat yang tidak mahu bekerjasama dan mementingkan diri sendiri dalam sesuatu pekerjaan apatah lagi dalam Perkhidmatan Awam ini, akan mendatangkan natijah yang tidak baik dan menjelaskan prestasi dan produktiviti kerja. Semoga warga UniMAP terus menjadi seorang insan kamil yang unggul dalam memajukan organisasi yang kita cintai ini. InsyaAllah...

JULAI 2 - JAYADIRI

Jika DMNC sebelum ini saya memilih perkataan jalin, jasa, jaya, julang, jujur, juara, jatidiri, juang, jenama dan jihad maka perkataan pilihan untuk edisi ini adalah JAYADIRI. Jayadiri membawa maksud berusaha mengembangkan potensi yang ada dalam diri sendiri untuk mencapai sesuatu kejayaan dalam hidup. Perkataan jayadiri juga membawa maksud sikap berdikari dalam diri demi mencapai kejayaan serta kesediaan melakukan sesuatu dengan semangat kekitaan untuk kepentingan bersama demi mencapai suatu matlamat yang diimpikan.

Dalam pekerjaan, pembelajaran, kemasyarakatan malah institusi kekeluargaan, semangat jayadiri ini amat penting untuk sentiasa diperaktikkan. Semua insan di dunia ini diciptakan oleh Allah SWT sebagai makhluk yang seindah-indah ciptaanNya dan dikurniakan harta yang paling berharga dan istimewa iaitu akal dan fikiran untuk kita terus mengembangkan potensi diri yang seterusnya menyumbang kepada pembangunan keluarga, masyarakat dan negara. Dengan menggunakan akal fikiranlah kita mampu untuk menentukan mana yang baik atau buruk serta kreatif untuk melakukan sebarang perubahan atau inovasi dalam kehidupan seharian.

Saya suka mengingatkan bahawa kita sebagai penjawat awam Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) merupakan satu amanah yang harus dipikul dengan penuh ikhlas dan bertanggungjawab.

Dari Meja Naib Canselor

Tanggungjawab yang dipikul tidak memadai kalau setakat melepaskan batuk di tangga sahaja, malah apa yang dituntut daripada kita adalah perkhidmatan yang terbaik atau dengan lain perkataan, yang berkualiti tinggi.

Untuk mencapai tahap yang diharapkan, kita perlu mengamalkan dan menitikberatkan prinsip-prinsip asas bekerja, iaitu antara lainnya ialah ketepatan masa dan ketepatan fakta; sikap lebih teliti dan terperinci dalam melaksanakan tugas; menanam falsafah "do it right the first time" dan "never settle for less than the BEST" dalam diri masing-masing; dan sentiasa cuba melaksanakan sesuatu tugas melebihi dari standard yang ditetapkan. Saya percaya prinsip-prinsip asas ini jika diamalkan oleh semua warga UniMAP pasti akan dapat menghasilkan output kerja atau perkhidmatan yang berkualiti tinggi. Semua prinsip-prinsip asas ini akan dapat dilaksanakan sekiranya kita sama-sama mempunyai semangat jayadiri yang tinggi dalam diri masing-masing. Saya percaya UniMAP akan terus maju dan gemilang di persada ilmu pendidikan serta gah di peringkat antarabangsa dengan sikap jayadiri yang berterusan... InsyaAllah ..

OGOS 1 - OBJEKTIF

Perkataan pilihan DMNC kali ini ialah "Objektif". Perkataan objektif membawa maksud berasaskan kenyataan atau fakta sebenar; tidak dikuasai atau dipengaruhi oleh perasaan atau prasangka sendiri. Namun apabila kita berbincang dalam konsep berfokuskan kepada organisasi contohnya UniMAP kita akan mengambilkira 'Target' atau sasaran berteraskan misi dan visi serta matlamat. Objektif mestilah realistik dan boleh diukur serta sebaiknya dalam jangka masa yang pendek. Objektif merupakan panduan dalam sesuatu organisasi untuk membuat keputusan, bagi mempertingkatkan kecekapan organisasi, mencapai konsistensi dalam organisasi dan menilai prestasi sejauh mana pencapaian kita dari semasa ke semasa.

Objektif juga terbahagi kepada dua jenis iaitu Objektif organisasi dan juga objektif individu. Objektif organisasi ialah sasaran organisasi secara keseluruhan, merangkumi pelbagai bidang dan dibentuk untuk membantu organisasi mencapai objektifnya. Manakala objektif individu pula merupakan sasaran setiap individu dan peranan masing-masing dalam organisasi dimana objektif individu juga menyumbang kepada pencapaian objektif organisasi. Fikirkanlah ...

OGOS 2 - OPTIMUM

Perkataan Optimum yang membawa maksud kedudukan yang terbaik atau menguntungkan bagi sesuatu keadaan, pengeluaran atau perkembangan dan lain-lain lagi. Sebagai contoh, di UniMAP bilangan jawatan yang diwujudkan dan anggota yang dibekalkan adalah berlebihan dan mencukupi untuk menjalankan aktiviti pentadbiran, pengajaran dan pembelajaran serta pembangunan di UniMAP ini. Namun begitu, semua staf haruslah bekerja secara optimum untuk

menjalankan setiap tugas dengan cekap dan berkesan. Jika setiap staf menggunakan tenaga dan buah pemikirannya secara optimum, sudah pasti UniMAP akan menjadi sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam yang dikagumi dan disegani bukan sahaja di peringkat global malah ke persada antarabangsa dapat direalisasikan. Kita haruslah bekerja selaras dengan peranan kerajaan dalam usaha-usaha pembangunan Negara, keperluan perkhidmatan bermutu kepada masyarakat serta perkembangan teknologi.

Konteks ihsan juga saling berkaitan dengan konsep kerja yang optimum. Ihsan ialah berbuat baik atau berbuat sebaik mungkin, manakala dalam pengertian lain, ihsan dapat didefinisikan sebagai ajaran atau konsep yang mendukung etika kerja yang baik. Berdasarkan kepada perspektif ini, ihsan dapat difahami sebagai satu produktiviti kerja secara optimum, iaitu bekerja dan melaksanakan sesuatu tugas sesuai dengan hasil sumbangan yang terbaik serta berkualiti tinggi. Justeru, saya menyeru seluruh warga UniMAP supaya menerapkan nilai terpuji ini dalam diri masing-masing dalam penghasilan kerja yang optimum. Orang beriman diperintahkan berbuat ihsan seperti firman Allah yang bermaksud: "Berbuat baiklah (kepada hamba Allah) seperti Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah)."

(Surah al-Qasas, ayat 77)

